

U 8009 DEB
MAHATHIR - RAZALEIGH

SHAH ALAM, 16 OGOS (BERNAMA) -- PAS PERLU MENYATAKAN SAMA ADA IA BERSETUJU DENGAN HASRAT PRESIDEN SEMANGAT 46 TENGKU RAZALEIGH HAMZAH UNTUK MELANTIK TIMBALAN PERDANA MENTERI KEDUA DARIPADA ORANG CINA SEKIRANYA PEMBANGKANG MEMENANGI PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

PERDANA MENTERI BERKATA TENGKU RAZALEIGH SEHARUSNYA MEMBERITAHU MENGENAI HASRATNYA ITU KEPADA PAS DAN +TIDAK BERCAKAP LAIN KEPADA ORANG CINA DAN LAIN PULA DENGAN PAS+.

+SAYA HENDAK TANYA SAMA ADA HAJI HADI (TIMBALAN YANG DIPERTUA AGUNG PAS) BERSETUJU ATAU TIDAK,+ KATANYA KETIKA DITEMUI PEMBERITA SELEPAS MERASMIKAN PERAYAAN HARI PELADANG, PENTERNAK DAN NELAYAN KEBANGSAAN 1990 DI TAMAN PERTANIAN MALAYSIA, BUKIT CERAKAH DI SINI.

TENGKU RAZALEIGH MEMBUAT JANJI ITU DALAM TEMURAMAH DENGAN SEBUAH AKHBAR BERBAHASA CINA YANG DISIARKAN DUA HARI LEPAS.

MENGENAI LAPORAN AKHBAR YANG MENYATAKAN BAHAWA NAIB CANSOLOR UNIVERSITI MALAYA (UM) PROF SYED HUSSEIN ALATAS AKAN MENGOSONGKAN JAWATAN ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU TIDAK MENDENGAR TENTANG PERKARA ITU. -- LAGI.

1855MST 16 08 90

MAHATHIR - RAZALEIGH 2 SHAH ALAM

**+SAYA TAK DENGAR KATA DIA HENDAK BERHENTI... DIA PERGI CUTI,+
KATANYA.**

**PROF SYED HUSSEIN BERKATA SEMALAM DIA SEDANG BERCUTI DUA MINGGU
UNTUK MEMBOLEHKANNYA MENYIAPKAN LAPORAN MENGENAI SISTEM +OMBUDSMAN+
YANG DIRANCANG DIPERKENALKAN DI MALAYSIA.**

**KETIKA DITANYA SAMA ADA BELIAU TELAH DAPAT BERHUBUNG DENGAN
PRESIDEN SADDAM HUSSEIN, IRAQ, SEPERTI CADANGAN ANGGOTA KELUARGA
RAKYAT MALAYSIA YANG TERKANDAS DI KUWAIT DAN IRAQ, DATUK SERI DR
MAHATHIR BERKATA, MEMADAILAH BAGINYA UNTUK BERCAKAP DENGAN TIMBALAN
PERDANA MENTERI IRAQ DALAM USAHA MEMBAWA BALIK RAKYAT MALAYSIA YANG
TERKANDAS ITU.**

**+MASALAH KITA BUKAN PASAL NAK BERCAKAP DENGANNYA (PRESIDEN
SADDAM) TETAPI MASALAHNYA IALAH HENDAK MEMBAWA BALIK ORANG KITA,+
KATANYA.**

**BELIAU BERKATA KERAJAAN BELUM BERBINCANG SAMA ADA PASUKAN SUKAN
NEGARA PERLU MEMULAUKAN PERLAWANAN DENGAN PASUKAN DARI IRAQ. --
BERNAMA.**

1859MST 16 08 90

0455

U B024 DEB

PERHATIAN EDITOR: PEMBETULAN R R R R R

**DALAM BERITA BAO19 BERTAJUK +MAHATHIR - RAZALEIGH 2 SHAH ALAM+
HARAP BACA PARA DUA... SEDANG BERCUTI DUA BULAN (ULANG) DUA BULAN,
BUKAN DUA MINGGU SEPERTI YANG DIHANTAR.**

BERIKUT IALAH ULANGAN BERITA BERKENAAN YANG SUDAH DIBETULKAN.

MAHATHIR - RAZALEIGH 2 SHAH ALAM

**+SAYA TAK DENGAR KATA DIA HENDAK BERHENTI... DIA PERGI CUTI,+
KATANYA.**

**PROF SYED HUSSEIN BERKATA SEMALAM DIA SEDANG BERCUTI DUA BULAN
UNTUK MEMBOLEHKANNYA MENYIAPKAN LAPORAN MENGENAI SISTEM +OMBUDSMAN+
YANG DIRANCANG DIPERKENALKAN DI MALAYSIA.**

**KETIKA DITANYA SAMA ADA BELIAU TELAH DAPAT BERHUBUNG DENGAN
PRESIDEN SADDAM HUSSEIN, IRAQ, SEPERTI CADANGAN ANGGOTA KELUARGA
RAKYAT MALAYSIA YANG TERKANDAS DI KUWAIT DAN IRAQ, DATUK SERI DR
MAHATHIR BERKATA, MEMADAILAH BAGINYA UNTUK BERCAKAP DENGAN TIMBALAN
PERDANA MENTERI IRAQ DALAM USAHA MEMBAWA BALIK RAKYAT MALAYSIA YANG
TERKANDAS ITU.**

**+MASALAH KITA BUKAN PASAL NAK BERCAKAP DENGANNYA (PRESIDEN
SADDAM) TETAPI MASALAHNYA IALAH HENDAK MEMBAWA BALIK ORANG KITA,+
KATANYA.**

**BELIAU BERKATA KERAJAAN BELUM BERBINCANG SAMA ADA PASUKAN SUKAN
NEGARA PERLU MEMULAUKAN PERLAWANAN DENGAN PASUKAN DARI IRAQ. --
BERNAMA.**

1929MST 16 08 90